

## PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP PELAKSANAAN SERENTAK SISTEM SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA DI UTHM

Siti Nur Kamariah Rubani<sup>1\*</sup>, Noorfadzlyna Idris<sup>2</sup>, Norhasyimah Hamzah<sup>3</sup>, Tamil Selvan Subramaniam<sup>4</sup> & Arihasnida Ariffin<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4&5</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM

\*Correspondence: kamaria@uthm.edu.my

### Abstrak

*Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) merupakan program kemahiran yang diperkenalkan bagi memperkasakan bidang kemahiran. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap pelaksanaan serentak SKM di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dari aspek pengetahuan amali, kemahiran teknikal dan pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan. Seramai 70 orang responden telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Responden ini terdiri daripada guru pelatih Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 yang sedang mengikuti kursus SKM Tahap 2 di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), UTHM. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptive. Kesimpulan daripada analisis data menunjukkan pelajar mempunyai pengetahuan amali (skor min = 3.01), kemahiran teknikal (skor min = 3.08) dan pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan (skor min = 3.32) semasa pelaksanaan serentak SKM dijalankan. Secara keseluruhannya, interpretasi skor min adalah pada tahap yang tinggi.*

**Kata Kunci:** *Perlaksanaan Serentak SKM, pengetahuan amali, kemahiran teknikal, pelaksanaan projek secara berkumpulan.*

### Abstract

*Malaysian Skills Certificate (MSC) is a skill program that was introduced to strengthen the empowerment of skills. The aim of this study was to identify the perceptions of teachers on the implementation of simultaneous MSC at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) in the aspect of practical knowledge, technical skills and project implementation MSC group. The design of this study is a survey research. A total of 70 respondents were selected through purposive sampling method. The respondents consisted of training teachers from Bachelor of Vocational Education (Building Construction) of Cohorts Three in February 2013/2014 session intake who are currently undergoing the MSC Level 2 course at the Faculty of Technical and Vocational Education (FPTV), UTHM. Researchers used questionnaires to obtain feedback from respondents. The data were analyzed using descriptive statistic. Conclusions from the data analysis showed that students had practical knowledge (mean score = 3.01), technical skills (mean score = 3.08) and group MSC project implementation (mean score = 3.32) during simultaneous implementation of MSC. Overall, the mean score interpretation is at a high level.*

**Keywords:** Simultaneous implementation of MSC, practical knowledge, technical skills, group project implementation.

## 1.0 PENGENALAN

Pelaksanaan SKM yang dilaksanakan di Pusat Bertauliah (PB) yang telah diiktiraf, memerlukan pelajar mengikuti latihan kemahiran secara sepenuh masa. Program kemahiran melalui kaedah PB merangkumi pembelajaran teori dan amali secara serentak di mana pembelajaran teori merangkumi nisbah sebanyak 60 peratus dan amali pula sebanyak 40 peratus (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2013). Oleh itu, bermula pada tahun 2006, Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) telah mewajibkan semua tenaga pengajar latihan vokasional dalam kerangka Sistem Latihan Malaysia untuk memiliki Sijil Pengajar Vokasional (*Vocational Training Officer: VTO*) sebelum boleh ditauliahkan sebagai Pegawai Latihan Vokasional di mana-mana institusi latihan vokasional (Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan, 2015). Pelajar bagi program Persediaan Guru di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah tertakluk kepada Akta 652 ini. Bagi memenuhi Akta 652 yang telah dinyatakan, kesemua guru pelatih yang mengikuti program Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (SMPV) di FPTV, UTHM perlu mengikuti latihan tambahan berbentuk kemahiran bagi memenuhi kelayakan mengajar dalam program latihan vokasional.

## 2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

FPTV merupakan sebuah PB di UTHM. Guru pelatih yang mengikuti program sarjana muda di FPTV perlu menjalani program pelaksanaan serentak SKM. Oleh itu, terdapat beberapa permasalahan yang timbul iaitu dari aspek pengetahuan amali guru pelatih. Guru pelatih masih tidak dapat menjalankan pembelajaran amali di bengkel dengan lancar kerana penerangan yang disampaikan ketika mengajar kurang jelas dan sukar difahami pelajar (Wearmount 2005). Walaupun penerangan yang disampaikan dibantu dengan menggunakan alat bahan bantu mengajar (ABBM) seperti media statik dan bahan bercetak, sesi pengajaran yang disampaikan masih tidak dapat menarik perhatian para pelajar.

Apabila pengetahuan amali guru pelatih kurang jelas, ini menyebabkan kemahiran teknikal dan pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan menjadi antara aspek yang lemah. Menurut Hishammudin (2006), guru pelatih masa kini semakin tidak mahir dalam penggunaan alat disebabkan oleh kurangnya kesedaran dalam mempertingkatkan tahap kemahiran teknikal dari masa ke semasa. Kesan daripada masalah yang berlaku ini, para pelajar hanya dapat memahami pembelajaran teori sahaja, sebaliknya kemahiran teknikal melalui pembelajaran amali tidak dapat dipelajari dengan baik.

Akhir sekali, guru pelatih menghadapi kesukaran untuk melaksanakan projek SKM secara berkumpulan. Pelaksanaan projek SKM yang dijalankan secara berkumpulan membuatkan guru pelatih kurang memahami isi pengajaran yang disampaikan termasuklah dalam memupuk kemahiran *hands-on* guru pelatih. Melalui tugas projek yang diberikan mengikut ahli kumpulan, guru pelatih hanya menekan kepada tugas masing-masing dan kurang mencari pengetahuan terhadap tugas ahli kumpulan yang lain. Hal ini mengakibatkan pengetahuan dan kemahiran guru pelatih hanya tertumpu kepada sesuatu pengetahuan dan kemahiran sahaja.

Berdasarkan masalah-masalah yang wujud ini, pengkaji ingin mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap Pelaksanaan Serentak Sistem Sijil Kemahiran Malaysia dalam Program Persediaan Guru di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ini dari aspek pengetahuan amali, kemahiran teknikal dan pelaksanaan projek secara berkumpulan.

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk :

- (i) Mengenal pasti persepsi guru pelatih bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di UTHM terhadap pelaksanaan serentak program SKM dari aspek pengetahuan amali.
- (ii) Mengenal pasti persepsi guru pelatih bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di UTHM terhadap pelaksanaan serentak program SKM dari aspek kemahiran teknikal.
- (iii) Mengenal pasti persepsi guru pelatih di bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 UTHM terhadap pelaksanaan serentak program SKM dari aspek pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan.

### **4.0 METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah reka bentuk tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap pelaksanaan serentak program SKM. Menurut Hairol, Zakaria, Ahmad dan Shamsul (2014), kajian tinjauan merupakan kaedah pengumpulan data melalui penggunaan set instrumen soal selidik kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang dikaji.

#### **4.1 Populasi dan Sampel**

Populasi sasaran bagi kajian ini merujuk kepada guru pelatih dari program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014. Persampelan yang digunakan merupakan persampelan bertujuan. Kaedah persampelan bertujuan dipilih kerana kaedah persampelan ini lebih sesuai digunakan kerana pemilihan responden kajian adalah berdasarkan sekumpulan responden yang memiliki ciri-ciri seperti yang dikaji oleh pengkaji dan keputusan kajian juga adalah berdasarkan kumpulan responden yang dikaji sahaja (Sulaiman, Alias, Mohd Hasril, Zulkifli, Fazlinda & Wan, 2015). Seramai 70 orang guru pelatih program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan dipilih sebagai sampel bagi kajian ini.

#### **4.2 Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen dalam pengumpulan data. Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A (pengetahuan amali), Bahagian B (kemahiran teknikal) dan Bahagian C (pelaksanaan projek secara berkumpulan). Borang soal selidik yang dibangunkan menggunakan skala likert empat mata iaitu sangat setuju, setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

#### **4.3 Analisis Data**

Pengumpulan data dalam kajian ini adalah berbentuk kuantitatif iaitu kaedah analisis deskriptif. Nilai skor min di gunakan dalam menganalisis data kajian bagi menjawab kesemua soalan kajian iaitu berkenaan dengan persepsi guru pelatih bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di UTHM terhadap pelaksanaan serentak program SKM dari aspek pengetahuan amali, kemahiran teknikal serta pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan.

## 5.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

Analisis bagi soalan kajian yang pertama adalah menggunakan nilai skor min. Bagi menjawab soalan kajian ini, sebanyak 14 item dibangunkan untuk mengenal pasti persepsi guru pelatih bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di UTHM terhadap pelaksanaan serentak program SKM dari aspek pengetahuan amali. Hasil dapatan analisis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.1.

Jadual 5.1: Analisis Skor Min Pelaksanaan Serentak Program SKM dari Aspek Pengetahuan Amali

| Item          | Aspek Pengetahuan Amali<br>Saya boleh...                                  | Skor Min    | Intrepretasi Skor Min |
|---------------|---------------------------------------------------------------------------|-------------|-----------------------|
| 1             | Menjelaskan prosedur membina dinding dengan betul.                        | 3.03        | Tinggi                |
| 2             | Menjelaskan fungsi melega dengan betul.                                   | 3.17        | Tinggi                |
| 3             | Menjelaskan fungsi membuat kemasan dengan betul.                          | 3.17        | Tinggi                |
| 4             | Menjelaskan prosedur memasang kemasan dengan betul.                       | 3.07        | Tinggi                |
| 5             | Menerangkan proses penyediaan cerun bagi sistem perparitan dengan betul.  | 2.70        | Sederhana             |
| 6             | Menghuraikan proses pembinaan lurang dengan baik.                         | 2.70        | Sederhana             |
| 7             | Merancang proses pembinaan pagar dengan baik.                             | 3.01        | Tinggi                |
| 8             | Menyatakan fungsi peralatan tangan kerja paip dengan betul.               | 3.29        | Tinggi                |
| 9             | Menyatakan fungsi mesin kerja paip dengan betul.                          | 3.19        | Tinggi                |
| 10            | Menyatakan fungsi bahan pepasang dengan betul.                            | 3.14        | Tinggi                |
| 11            | Menyatakan fungsi pelbagai jenis injap dengan betul.                      | 2.99        | Sederhana             |
| 12            | Menginterpretasikan simbol lukisan kerja paip dengan betul.               | 2.89        | Sederhana             |
| 13            | Menterjemahkan sambungan paip dalam bentuk lukisan.                       | 2.90        | Sederhana             |
| 14            | Menerangkan prosedur penyambungan paip mengikut spesifikasi dengan betul. | 2.93        | Sederhana             |
| <b>Purata</b> |                                                                           | <b>3.01</b> | <b>Tinggi</b>         |

Berdasarkan Jadual 5.1, hasil dapatan bagi aspek pengetahuan amali menunjukkan nilai skor min tertinggi adalah item 8 iaitu sebanyak 3.29. Manakala, item yang terendah adalah pada item 5 dan item 6 iaitu nilai skor min sebanyak 2.70. Interpretasi bagi item 5 dan item 6 adalah berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, hasil dapatan bagi persepsi guru pelatih bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di

UTHM terhadap pelaksanaan serentak program SKM dari aspek pengetahuan amali mempunyai interpretasi skor min yang tinggi iaitu dengan nilai skor min 3.01. Ini bermakna bakal guru bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di UTHM mempunyai pengetahuan amali yang tinggi dalam pelaksanaan serentak program SKM.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi guru pelatih bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di UTHM terhadap pelaksanaan serentak program SKM dari aspek kemahiran teknikal. Hasil dapatan analisis ditunjukkan dalam Jadual 5.2 di bawah.

Jadual 5.2: Analisis Skor Min Pelaksanaan Serentak Program SKM dari Aspek Kemahiran Teknikal

| Item          | Aspek Kemahiran Teknikal<br>Saya boleh...                    | Min         | Intrepretasi Skor<br>Min |
|---------------|--------------------------------------------------------------|-------------|--------------------------|
| 15            | Membina dinding tegak dengan baik.                           | 3.07        | Tinggi                   |
| 16            | Melepa dinding tegak dengan baik.                            | 3.03        | Tinggi                   |
| 17            | Membina dinding lengkung dengan baik.                        | 2.86        | Sederhana                |
| 18            | Melepa dinding lengkung dengan baik.                         | 2.93        | Sederhana                |
| 19            | Memasang kemasan pada lantai dengan baik.                    | 3.20        | Tinggi                   |
| 20            | Memasang kemasan pada dinding dengan baik.                   | 3.17        | Tinggi                   |
| 21            | Membina pagar dawai dengan baik.                             | 2.83        | Sederhana                |
| 22            | Membuat pelbagai jenis sambungan paip dengan baik.           | 3.04        | Tinggi                   |
| 23            | Membuat pengukuran paip dengan baik.                         | 3.14        | Tinggi                   |
| 24            | Memotong pelbagai jenis paip dengan baik.                    | 3.20        | Tinggi                   |
| 25            | Membuat bebenang pada paip dengan baik.                      | 3.30        | Tinggi                   |
| 26            | Membuat pembengkokan paip mengikut spesifikasi dengan betul. | 2.96        | Sederhana                |
| 27            | Memasang injap mengikut spesifikasi dengan betul.            | 3.06        | Tinggi                   |
| 28            | Membuat ujian kebocoran mengikut prosedur dengan betul.      | 3.37        | Tinggi                   |
| <b>Purata</b> |                                                              | <b>3.08</b> | <b>Tinggi</b>            |

Berdasarkan Jadual 5.2, hasil dapatan bagi aspek kemahiran teknikal yang tertinggi adalah item 28 dengan nilai skor min sebanyak 3.37. Manakala, item 21 pula merupakan nilai skor min terendah dengan nilai skor min sebanyak 2.83. Interpretasi bagi item 21 adalah sederhana. Secara keseluruhannya, hasil dapatan bagi persepsi guru pelatih bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di UTHM terhadap pelaksanaan serentak program SKM dari aspek kemahiran teknikal mempunyai interpretasi skor min yang tinggi iaitu dengan nilai skor min 3.08. Ini bermakna bakal guru bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di UTHM mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi dalam pelaksanaan serentak program SKM.

Akhir sekali, hasil dapatan kajian berkaitan persepsi guru pelatih di bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 UTHM terhadap pelaksanaan serentak program SKM dari aspek pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan juga di analisis.

Jadual 5.3 menunjukkan hasil analisis skor min bagi pelaksanaan serentak program SKM dari aspek pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan.

Jadual 5.3: Analisis Skor Min Pelaksanaan Serentak Program SKM dari Aspek Pelaksanaan Projek SKM secara Berkumpulan

| <b>Item</b>   | <b>Aspek Pelaksanaan Projek SKM secara Berkumpulan</b>                                                      | <b>Min</b>  | <b>Intrepretasi Skor Min</b> |
|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|------------------------------|
| 29            | Saya mampu melaksanakan projek SKM secara berkumpulan.                                                      | 3.46        | Tinggi                       |
| 30            | Saya boleh berkomunikasi dengan baik di antara ahli kumpulan semasa menjalankan projek SKM.                 | 3.41        | Tinggi                       |
| 31            | Saya menerima setiap arahan yang diberikan dengan mudah semasa menjalankan projek SKM.                      | 3.39        | Tinggi                       |
| 32            | Saya berkemampuan untuk memberikan pendapat dalam perbincangan kumpulan semasa melaksanakan projek SKM.     | 3.34        | Tinggi                       |
| 33            | Saya menerima pendapat dari setiap ahli kumpulan semasa merancang projek SKM.                               | 3.43        | Tinggi                       |
| 34            | Pembahagian projek SKM dilakukan dengan adil.                                                               | 3.29        | Tinggi                       |
| 35            | Saya menerima setiap pembahagian projek SKM dengan hati terbuka.                                            | 3.36        | Tinggi                       |
| 36            | Saya memahami setiap kandungan projek SKM yang diberikan secara berkumpulan.                                | 3.29        | Tinggi                       |
| 37            | Saya memberikan kerjasama yang baik semasa melaksanakan projek SKM bersama ahli kumpulan.                   | 3.34        | Tinggi                       |
| 38            | Saya boleh mengawal persekitaran kerja dengan selamat semasa melaksanakan projek SKM bersama ahli kumpulan. | 3.26        | Tinggi                       |
| 39            | Saya mampu menyelesaikan setiap masalah yang wujud berkaitan projek SKM bersama ahli kumpulan.              | 3.23        | Tinggi                       |
| 40            | Saya boleh membentangkan setiap projek SKM yang dijalankan secara berkumpulan dengan baik.                  | 3.24        | Tinggi                       |
| 41            | Saya boleh menerangkan semula pelaksanaan projek SKM yang dijalankan secara berkumpulan dengan baik.        | 3.36        | Tinggi                       |
| 42            | Saya sentiasa berpuas hati dengan markah penilaian projek SKM yang diperoleh bersama ahli kumpulan.         | 3.13        | Tinggi                       |
| <b>Purata</b> |                                                                                                             | <b>3.32</b> | <b>Tinggi</b>                |

Berdasarkan Jadual 5.2, hasil dapatan bagi aspek pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan yang tertinggi adalah item 29 dengan nilai skor min sebanyak 3.46. Manakala, item

42 pula merupakan nilai skor min terendah dengan nilai skor min sebanyak 3.13. Secara keseluruhannya, hasil dapatan bagi persepsi guru pelatih bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di UTHM terhadap pelaksanaan serentak program SKM dari aspek pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan mempunyai interpretasi skor min yang tinggi iaitu dengan nilai skor min 3.32. Ini bermakna bakal guru bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di UTHM mempunyai pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan yang tinggi dalam pelaksanaan serentak program SKM.

## **6.0 PERBINCANGAN**

Hasil dapatan bagi aspek pengetahuan amali merupakan pengetahuan guru dalam bidang teknikal adalah tinggi. Hal ini menunjukkan pengajaran amali yang disampaikan guru di dalam bengkel adalah pada tahap pengetahuan amali yang tinggi dalam memastikan penyampaian pdp semasa amali dapat dilakukan dengan baik dan mencapai objektif pembelajaran. Selain itu juga, ianya adalah untuk memastikan bahawa setiap pelajar dapat memahami isi pengajaran yang disampaikan dengan jelas. Justeru, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 di UTHM mempunyai pengetahuan amali yang tinggi terhadap pelaksanaan serentak program SKM.

Bagi aspek kemahiran teknikal pula adalah merujuk kepada kefahaman dan kecekapan guru pelatih dalam sesuatu aktiviti yang melibatkan proses, prosedur dan teknik. Kepentingan kemahiran teknikal bagi guru adalah untuk memahami segala konsep pengajaran amali yang diajar kepada pelajar seperti pengetahuan dalam penggunaan alat dan teknik, pengetahuan terhadap projek, pemahaman terhadap kaedah, proses dan prosedur (El-Sabaa, 2001). Kemahiran teknikal ini sering digunakan oleh guru apabila pdp dilakukan di dalam bengkel. Dalam kata lain, kemahiran teknikal ini adalah sebagai pelengkap bagi pembelajaran teori yang dijalankan di dalam bengkel. Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi, hasil dapatan menunjukkan bahawa persepsi guru pelatih terhadap pelaksanaan serentak SKM dari aspek kemahiran teknikal berada pada tahap yang tinggi. Interpretasi hasil dapatan skor min adalah berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menjelaskan bahawa guru pelatih SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tigaambilan sesi Februari 2013/2014 cekap dalam melakukan sesuatu aktiviti yang melibatkan kaedah, proses kerja dan teknik bagi sesuatu topik (Hashim, 2004).

Akhir sekali, interpretasi keseluruhan item bagi aspek pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru pelatih bekerjasama semasa dalam kumpulan untuk menyiapkan sesuatu tugas. Selain itu juga, ia dapat memupuk hubungan baik dan berinteraksi di antara ahli kumpulan untuk mencapai objektif pembelajaran (Wan, 2011). Menurut Norliza (2000), bagi projek yang dilaksanakan secara berkumpulan, kemahiran komunikasi adalah antara kemahiran yang perlu ada dalam diri setiap ahli kumpulan. Kemahiran komunikasi berperanan sebagai alat penghubung yang dapat menghubungkan idea serta pendapat daripada setiap ahli kumpulan bagi membentuk kesepakatan yang dipersetujui bersama. Sikap tanggungjawab ahli kumpulan juga menyumbang kepada keberkesanan pelaksanaan projek secara berkumpulan. Sekiranya tugas diberikan secara berkumpulan, setiap ahli berperanan untuk menyiapkan tugas mengikut pembahagian tugas masing-masing dan memahami tugas ahli kumpulan yang lain. Apabila wujudnya kesedaran terhadap tanggungjawab masing-masing, setiap ahli berusaha untuk memahami setiap isi kandungan projek walaupun pembahagian telah diberikan mengikut tugas masing-masing.

## 7.0 KESIMPULAN

Kajian yang dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap Pelaksanaan Serentak Sistem Sijil Kemahiran Malaysia dalam Program Persediaan Guru di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Melalui kajian yang dilaksanakan ini, seramai 70 orang guru pelatih bagi program SMPV (Binaan Bangunan) Kohort Tiga ambilan sesi Februari 2013/2014 dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Responden yang dipilih ini digunakan sebagai sampel untuk mengumpulkan maklumat bagi melengkapkan ketiga-tiga persoalan kajian yang dikaji. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil dapatan kajian bagi persepsi guru pelatih terhadap pelaksanaan serentak SKM dari aspek pengetahuan amali, kemahiran teknikal dan pelaksanaan projek SKM secara berkumpulan didapati nilai skor min berada pada tahap yang tinggi.

Kesimpulannya, hasil daripada dapatan kajian ini boleh dilakukan beberapa cadangan bagi memastikan guru pelatih dapat mencapai tahap pengetahuan amali, kemahiran teknikal dan pelaksanaan berkumpulan yang tinggi dan baik iaitu dengan mengadakan hari terbuka FPTV bagi mempamerkan segala projek SKM yang dihasilkan oleh guru pelatih FPTV. Melalui kehebatan produk yang dihasilkan guru pelatih, masyarakat dapat menilai kehebatan FPTV dalam melahirkan guru pelatih yang berpengetahuan serta berkemahiran tinggi dari aspek teori dan juga amali. Selain itu juga, dapat melahirkan persaingan sihat dan semangat yang kompetitif dalam penghasilan projek SKM. Akhir sekali, kajian lanjutan boleh dilakukan dengan melibatkan semua kohort bagi program SMPV (Binaan Bangunan) dan juga kesemua program SMPV di FPTV, UTHM.

## RUJUKAN

- El-Sabaa, S. (2001). The skills and career path of an effective project manager, *International Journal of Project Management*, 19(1), 1-7. ISSN 0263-7863
- Hairol Anuar Hj Mak Din, and Zakaria Stapa, and Ahmad Munawar Ismail, and Shamsul Azhar Yahya, (2014) Pendekatan nilai dalam memilih kepimpinan politik: kajian tinjauan dalam kalangan kelas menengah Melayu pasca Dasar Ekonomi Baru. *Jurnal Hadhari*, 6(2). 71-84. ISSN 1985-6830
- Hashim, H. (2004). *Kajian tahap keperluan terhadap kemahiran teknikal di industri*. Kuittho: Tesis Sarjana.
- Hishammuddin, H. (2006). *Perutusan tahun baru 2006*. [http://www.moe.gov/pustaka\\_jbt/2006/2006\\_01\\_17\\_Perutusan\\_Tahun\\_Baru\\_pdf](http://www.moe.gov/pustaka_jbt/2006/2006_01_17_Perutusan_Tahun_Baru_pdf)
- Jabatan Pembangunan Kemahiran (2013). *Laporan tahunan 2013*. Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia.
- Norliza, M., A. (2000). *Tahap kompeten pelajar dalam menghadapi alam pekerjaan: Kajian kes*. Kuittho: Tesis Sarjana Muda.
- Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan. (2015). *Sijil pengajar vokasional (VTO)*. Dicapai dari <http://www.ciaast.gov.my/v4/index.php/kursus1/2015-07-30-08-27-36/vto>
- Sulaiman, Y., Alias, M., Mohd Hasril, A., Zulkifli, M., Fazlinda, A., H. & Wan Hanim Nadrah, W. M. (2015). *Penaakulan Data Pendidikan*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.



- Wan Nur Izzati, W. A. H. (2011). *Tahap keyakinan dan sikap guru terhadap pengajaran kemahiran hidup di sekolah menengah zon Skudai dan Nusajaya, Johor*. UTM: Tesis Sarjana Muda.
- Wearmount, J. (2005). *Perspectives on student behavior in school-exploring theory and developing practice*. United Kingdom: Routledge Ltd.